



INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**KAJIAN PERLINDUNGAN UNDANG - UNDANG
TERHADAP PELANCONG DALAM AKTIVITI
EKOPELANCONGAN**

*A LEGAL PROTECTION STUDY FOR TOURISTS IN ECOTOURISM
ACTIVITIES*

Nur Aisyah Fatihah Mohamad Zamry^{1*}, Nur Khalidah Dahlan²

¹Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

 a194538@siswa.ukm.edu.my



<https://orcid.org/0009-0004-8790-0921>

²Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

 nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my



<https://orcid.org/0000-0001-5358-3797>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 21.12.2025

Revised date: 04.01.2026

Accepted date: 16.02.2026

Published date: 09.03.2026

To cite this document:

Zamry, N. A. F. M., & Dahlan, N. K. (2026). Kajian Perlindungan Undang - Undang Terhadap Pelancong Dalam Aktiviti Ekopelancongan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 159-182.

Abstrak:

Kajian ini membincangkan perlindungan undang-undang terhadap pelancong dalam aktiviti ekopelancongan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada keberkesanan pelaksanaan dan cabaran penguatkuasaan undang-undang sedia ada. Malaysia memiliki pelbagai akta yang berkaitan seperti Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482), Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Akta Perikanan 1985 (Akta 317), dan Akta Taman Negara 1980 (Akta 226). Namun, kajian ini mendapati bahawa ketiadaan kerangka undang-undang khusus untuk ekopelancongan, pertindihan kuasa antara agensi dan kelemahan pemantauan di lapangan menjejaskan keberkesanan perlindungan terhadap pelancong dan kelestarian alam sekitar. Kajian ini turut membandingkan pendekatan perundangan di Australia, Thailand dan Singapura yang memperlihatkan keberkesanan struktur pentadbiran tunggal, pensijilan lestari dan penguatkuasaan bersepadu. Dapatan kajian mencadangkan agar Malaysia merangka satu akta khusus yang holistik, merangkumi pelesenan operator, perlindungan pengguna, pemantauan berasaskan teknologi serta peranan komuniti tempatan, untuk memastikan ekopelancongan dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan mampan.

Ekopelancongan, Perlindungan Pelancong, Penguatkuasaan Undang-Undang, Pelesenan, Agensi Pelancongan, Malaysia

Abstract:

This study examines the legal protection framework for tourists involved in ecotourism activities in Malaysia, focusing on the effectiveness and challenges of current enforcement. Although Malaysia has multiple relevant statutes, such as the Tourism Industry Act 1992 (Act 482), Consumer Protection Act 1999 (Act 599), Wildlife Conservation Act 2010 (Act 716), National Forestry Act 1984 (Act 313), Fisheries Act 1985 (Act 317), and National Parks Act 1980 (Act 226), the absence of a dedicated ecotourism act and overlapping jurisdictions among enforcement agencies have contributed to weak monitoring, especially in remote rural areas. This qualitative study applies doctrinal legal analysis and comparative review by examining approaches adopted in Thailand, Australia, and Singapore. The findings reveal that those countries have successfully enforced sustainable tourism through integrated governance, targeted legislation, and certification systems. The study concludes that Malaysia must consider developing a comprehensive and specific ecotourism legal framework which includes regulated licensing, community participation, technology-driven monitoring, and clear institutional roles. This paper offers a significant contribution by proposing a unified enforcement model aimed at enhancing safety, sustainability, and legal clarity in Malaysia's growing ecotourism sector.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexclence.com

Keyword:

Ecotourism, Legal Protection, Enforcement, Tourism Law, Malaysia

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Industri pelancongan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, termasuk Malaysia. Negara ini dikenali dengan kekayaan biodiversiti, hutan hujan tropika, serta pelbagai destinasi alam semula jadi yang unik, menjadikannya antara destinasi utama bagi aktiviti ekopelancongan. Menurut Laporan Tahunan MOTAC (2023), sebelum pandemik COVID-19, sektor pelancongan telah menyumbang lebih RM100 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), seterusnya membuktikan kepentingannya sebagai pemacu ekonomi negara.

Ekopelancongan telah menjadi satu bentuk pelancongan berasaskan alam sekitar yang memerlukan pendekatan yang lebih berhati-hati dari segi pengurusan dan perlindungan pelancong. Aktiviti seperti mendaki gunung, menyusuri hutan, menyelam skuba dan lawatan ke kawasan perkampungan orang asli mendedahkan pelancong kepada risiko keselamatan, kemalangan, kecuai operator serta ketidakjelasan maklumat perkhidmatan. Oleh itu, aspek

perlindungan undang-undang terhadap pelancong dalam aktiviti ini perlu diberi perhatian khusus.

Di Malaysia, pelbagai perundangan telah digubal untuk melindungi pengguna, termasuk pelancong. Antaranya ialah Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) yang mengawal selia pengusaha pelancongan melalui pelesenan, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang memberi perlindungan kepada pelancong sebagai pengguna serta beberapa undang-undang yang berkait rapat dengan lokasi dan bentuk aktiviti ekopelancongan seperti Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).

Namun, isu seperti penipuan dalam penawaran pakej pelancongan, kecuaiian dalam penyediaan perkhidmatan dan ketiadaan lesen sah oleh pengendali pelancongan masih berlaku. Akhbar tempatan seperti "*Sabah tourism players want crackdown on illegal operators*" (The Star, 2023). Artikel ini melaporkan kebimbangan pemain industri pelancongan di Sabah terhadap operator pelancongan tidak berlesen yang menjejaskan industri dan keselamatan pelancong. Selain itu, "MOTAC Dedah Senarai Syarikat Pelancongan Tidak Berlesen" (Berita Malaysia, 2023) di mana Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah mendedahkan senarai syarikat pelancongan yang tidak berlesen dan memberi amaran kepada orang ramai agar berhati-hati, "MOTAC Laksana Operasi Penguatkuasaan Pematuhan Akta Industri Pelancongan 1992" (MOTAC, 2023) di mana MOTAC telah menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap syarikat pelancongan yang melanggar undang-undang, termasuk kes penipuan pakej pelancongan dan "*Malaysian Holidaygoer Loses RM28,500, Allegedly Scammed By Online Travel Agency*" (The Rakyat Post, 2022) di mana seorang pelancong Malaysia menjadi mangsa penipuan pakej pelancongan dalam talian dan kehilangan RM28,500 akibat tawaran palsu

Kewujudan isu ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dalam menjamin hak serta keselamatan pelancong. Tambahan pula, ekopelancongan melibatkan kawasan yang mungkin terletak di luar kawasan bandar dan kurang pemantauan, sekali gus menyukarkan pelaksanaan tindakan undang-undang apabila insiden berlaku.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana undang-undang yang berkaitan dapat melindungi pelancong dalam aktiviti ekopelancongan di Malaysia. Kajian ini juga akan meneliti tahap keberkesanan penguatkuasaan oleh agensi yang terlibat serta mencadangkan penambahbaikan kepada dasar atau perundangan sedia ada demi memastikan keselamatan dan hak pelancong terjamin dalam sektor ini.

Pernyataan Masalah

Industri pelancongan di Malaysia terus berkembang sebagai salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dengan landskap semula jadinya yang pelbagai seperti hutan hujan tropika, flora dan fauna eksotik serta komuniti peribumi yang unik, Malaysia muncul sebagai destinasi penting bagi ekopelancongan. Aktiviti seperti mendaki gunung, menyusuri denai hutan, menyelam skuba dan lawatan budaya ke kampung tradisional semakin mendapat sambutan dalam kalangan pelancong tempatan mahupun antarabangsa. Statistik daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC, 2023)

menunjukkan bahawa sebelum penularan COVID-19, sektor ini telah menjana lebih RM100 bilion kepada KDNK, menandakan kepentingan strategiknya terhadap ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, perkembangan sektor ini tidak terlepas daripada cabaran yang membimbangkan, khususnya dari segi keselamatan dan perlindungan pelancong. Meskipun terdapat pelbagai undang-undang seperti Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang digubal untuk melindungi pelancong, isu-isu berkaitan ketidakpatuhan pengendali, kecuaiian dalam penyampaian perkhidmatan dan ketiadaan pemantauan rapi masih berlaku secara berterusan. Keadaan ini menyebabkan pelancong terdedah kepada risiko sewaktu menjalani aktiviti ekopelancongan, terutamanya apabila melibatkan kawasan yang terpencil atau berisiko tinggi.

Tambahan pula, cabaran semakin rumit dengan kewujudan ejen pelancongan tanpa lesen yang beroperasi secara dalaman, kelemahan sistem pelesenan, serta pengawasan yang terhad oleh agensi penguatkuasaan di kawasan luar bandar. Transaksi digital yang tidak telus turut menyukarkan pelancong untuk membuat semakan terhadap status sah pengendali. Keadaan ini bukan sahaja merosakkan kepercayaan pelancong terhadap industri, malah menimbulkan jurang ketara dalam perlindungan undang-undang.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam memberi perlindungan menyeluruh kepada pelancong yang terlibat dalam aktiviti ekopelancongan. Kajian ini juga akan meneliti sejauh mana penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara berkesan, serta mencadangkan penambahbaikan kepada sistem perundangan dan dasar sedia ada untuk memastikan keselamatan, hak dan kesejahteraan pelancong terus terpelihara dalam pembangunan sektor ekopelancongan negara.

Kajian ini akan memfokuskan kepada perlindungan hak pelancong di Malaysia dari perspektif perundangan, dengan penekanan khusus kepada undang-undang yang berkaitan dengan hak dan perlindungan pelancong dalam sektor ekopelancongan. Skop kajian merangkumi analisis terhadap peruntukan undang-undang yang sedia ada, termasuk Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482), Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599), Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Akta Taman Negara 1980 (Akta 226), serta peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh agensi pelancongan dan penyedia perkhidmatan pelancongan dalam sektor ekopelancongan.

Kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada perlindungan hak pelancong sebagai pengguna perkhidmatan dalam aktiviti ekopelancongan dan bagaimana undang-undang di Malaysia menjamin hak mereka dari segi liabiliti, keselamatan, kecemasan, pampasan dalam kes kecuaiian, serta penyelesaian pertikaian.

Kajian ini juga akan membuat perbandingan dengan negara-negara yang memiliki sistem perlindungan pelancong yang lebih matang dan efektif seperti Australia, Singapura dan Thailand, yang masing-masing mempunyai kerangka undang-undang dan mekanisme perlindungan yang lebih terperinci dalam sektor ekopelancongan. Fokus kajian adalah untuk menilai keberkesanan sistem perundangan Malaysia dalam memastikan hak pelancong terjamin, serta mengenal pasti kekurangan dan kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang yang melindungi pelancong, terutamanya dalam aktiviti berisiko tinggi yang sering berlaku dalam sektor ekopelancongan.

Dapatan Kajian

Peruntukan Undang-undang Yang Berkaitan Dengan Aktiviti Ekopelancongan di Malaysia

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan hak pelancong dalam industri pelancongan, khususnya aktiviti ekopelancongan di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa Malaysia masih belum mempunyai undang-undang khusus yang merangkumi keseluruhan aspek perlindungan pelancong dalam ekopelancongan. Namun, terdapat beberapa perundangan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung.

Perlindungan undang-undang terhadap pelancong dalam aktiviti ekopelancongan memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan mereka serta kelestarian alam sekitar. Ekopelancongan, yang semakin berkembang di Malaysia, bukan sahaja memberikan peluang kepada pelancong untuk menikmati keindahan alam semula jadi tetapi juga menyumbang kepada pemuliharaan ekosistem dan pembangunan komuniti setempat. Namun, tanpa kawalan yang baik, pelbagai risiko boleh mengancam kesejahteraan pelancong dan keseimbangan alam sekitar. Oleh itu, beberapa akta telah digubal untuk memastikan ekopelancongan dijalankan secara bertanggungjawab dan beretika.

Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) bertujuan mengawal selia sektor pelancongan dengan menetapkan keperluan pelesenan bagi pengusaha dan pengendali pelancongan. Hanya agensi yang berdaftar dan mematuhi peraturan dibenarkan menawarkan perkhidmatan pelancongan, termasuk ekopelancongan. Berdasarkan seksyen 7 Akta Industri Pelancongan 1992 yang menyatakan berkaitan dengan pemberian atau keengganan memberi lesen:

7. (1) Pesuruhjaya hendaklah, apabila permohonan dibuat dengan sewajarnya mengikut seksyen 6 dan selepas diberi segala dokumen dan maklumat yang dikehendaknya, menimbangkan permohonan itu, dan jika dia berpuas hati akan kesesuaian pemohon, dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, memberikan lesen dengan atau tanpa syarat, atau enggan memberikan lesen.

(2) Tiap-tiap lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan jangka masa lesen sebagaimana yang ditetapkan dan nombor lesen.

(3) Mana-mana orang yang telah diberikan lesen di bawah subseksyen (1) boleh memohon untuk lesen tambahan bagi pejabat atau premis cawangan untuk menjalankan atau mengendalikan pengusahaan pelancongan dari jenis yang sama seperti yang dia telah dilesenkan.

(4) Jika Pesuruhjaya enggan memberikan lesen, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keengganannya itu.

Manakala seksyen 19 menyatakan mengenai pengambilan kerja pemandu pelancong berlesen 19.

(1) Tiada pengusahaan pelancongan berlesen boleh mengambil kerja, atau mendapatkan bagi seseorang pelancong atau mana-mana orang lain perkhidmatan, seorang pemandu pelancong yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini atau lesennya telah digantung atau dibatalkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 7 dan seksyen 19 dalam akta ini menetapkan peraturan mengenai pematuhan lesen dan pengambilan pemandu pelancong berlesen bagi menjamin kualiti pengalaman pelancong serta keselamatan mereka. Pelanggaran terhadap peruntukan ini, seperti operasi tanpa lesen sah, boleh didakwa di bawah akta ini. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan di kawasan luar bandar yang menjadi tumpuan ekopelancongan sering kali lemah (Dahlan et al., 2024). Agensi yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan akta ini termasuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang mengawal selia pelesenan pengusaha pelancongan. Seterusnya, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) yang memberikan perlindungan kepada pelancong sebagai pengguna perkhidmatan pelancongan, meliputi aspek penipuan, maklumat mengelirukan, amalan tidak adil serta kecuaiian dalam penyampaian perkhidmatan. Di mana seksyen 10 menyatakan mengenai representasi palsu atau mengelirukan:

10. (1) Tiada seorang pun boleh membuat representasi palsu atau mengelirukan—

- (a) bahawa barang itu adalah daripada jenis, standard, kualiti, gred, kuantiti, komposisi, gaya atau model tertentu;
- (b) bahawa barang itu mempunyai sejarah tertentu atau kegunaan terdahulu yang tertentu;
- (c) bahawa perkhidmatan itu adalah daripada jenis, standard, kualiti atau kuantiti tertentu;
- (d) bahawa perkhidmatan itu dibekalkan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang yang mempunyai daya ketukangan, kelayakan atau kemahiran tertentu;
- (e) bahawa orang tertentu telah bersetuju memperoleh barang atau perkhidmatan itu;
- (f) bahawa barang itu baharu atau dibaikpulihkan;
- (g) bahawa barang itu telah dikilangkan, dikeluarkan, diproses atau dibaikpulihkan pada sesuatu masa tertentu;
- (h) bahawa barang atau perkhidmatan itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan, ciri-ciri pencapaian, aksesori, kegunaan atau faedah;
- (i) bahawa orang itu mempunyai apa-apa tajaan, kelulusan, pengendorsan atau gabungan;
- (j) berkenaan dengan keperluan apa-apa barang atau perkhidmatan;
- (k) berkenaan dengan kewujudan, pengecualian atau kesan apa-apa syarat, gerenti, hak atau remedi; atau
- (l) berkenaan dengan tempat asal barang itu.

(2) Dalam seksyen ini, “kuantiti” termasuklah panjang, lebar, tinggi, luas, isi padu, muatan, berat dan bilangan.

Manakala, seksyen 19 dalam akta ini menyatakan mengenai standard keselamatan:

19. (1) Menteri boleh melalui peraturan-peraturan menetapkan standard keselamatan berkenaan dengan—

- (a) apa-apa barang atau kelas barang; dan

(b) apa-apa perkhidmatan atau kelas perkhidmatan, dan boleh menetapkan standard keselamatan yang berlainan bagi barang atau perkhidmatan, atau kelas barang atau perkhidmatan yang berlainan.

(2) Standard keselamatan yang berhubungan dengan barang boleh berkaitan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

(a) prestasi, komposisi, kandungan, pembuatan, pemprosesan, reka bentuk, pembinaan, kemasan atau pembungkusan barang;

(b) pengujian barang semasa atau selepas pembuatan atau pemprosesan;

(c) bentuk dan kandungan tanda, amaran atau arahan untuk disertakan dengan barang itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh, atas syor Pengawal dan selepas berunding dengan agensi berwibawa—

(a) menerima pakai keseluruhan atau sebahagian standard keselamatan yang digunakan oleh agensi berwibawa itu; atau

(b) mendapatkan nasihat daripada pakar dalam bidang yang berkaitan itu.

(4) Jika tiada standard keselamatan telah ditetapkan di bawah subseksyen (1), orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang atau perkhidmatan hendaklah menerima pakai dan mematuhi standard keselamatan yang munasabah yang dijangkakan oleh pengguna yang munasabah, dengan mengambil kira jenis barang atau perkhidmatan yang berkenaan.

(5) Dalam seksyen ini, “agensi berwibawa” ertinya mana-mana orang, badan atau pihak berkuasa yang telah menentukan atau mempunyai kepakaran untuk menentukan standard keselamatan bagi apa-apa barang atau perkhidmatan.

(6) Bahagian ini tidaklah terpakai bagi barang jagaan kesihatan dan makanan.

(7) Bagi maksud Bahagian ini, “barang jagaan kesihatan” ertinya apa-apa barang yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan, diadakan atau dimaksudkan untuk diadakan atau ditetapkan atau dimaksudkan untuk ditetapkan dalam pemberian perkhidmatan jagaan kesihatan.

Seksyen 10 mengawal aspek representasi palsu atau mengelirukan manakala seksyen 19 menetapkan standard keselamatan bagi produk dan perkhidmatan. Kes yang sering dikaitkan dengan akta ini termasuk peningkatan aduan terhadap operator tidak berlesen serta insiden pelancong yang tertipu dengan pakej ekopelancongan palsu. Contohnya, terdapat laporan mengenai pelancong yang kehilangan sejumlah wang akibat penipuan pakej pelancongan dalam talian yang tidak wujud. Akta ini memastikan pelancong dapat mendapatkan perlindungan undang-undang sekiranya mereka menjadi mangsa kepada penyedia perkhidmatan yang tidak bertanggungjawab. Penguatkuasaan akta ini dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab dalam pemantauan dan perlindungan hak pengguna.

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) berfungsi untuk memastikan flora dan fauna tidak terganggu akibat aktiviti pelancongan yang tidak terkawal. Peraturan yang ditetapkan dalam seksyen 48 menetapkan pelancong mendapatkan kebenaran untuk memasuki rizab hidupan liar, iaitu kebenaran untuk memasuki rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar:

48. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar melainkan jika dia terlebih dahulu memperoleh suatu kebenaran bertulis daripada Pengarah yang membenarkannya berbuat demikian.

(2) Tiada seorang pun boleh diberi suatu kebenaran bertulis membenarkannya memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar melainkan jika dia memuaskan hati Pengarah dengan membuat permohonan bertulis bahawa dia berhasrat untuk memasuki rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu bagi maksud seni, sains atau rekreasi.

(3) Suatu kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah menyatakan tempoh pemegang kebenaran itu dibenarkan untuk memasuki rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu, dan tempoh itu tidak boleh melebihi satu bulan tetapi boleh diperbaharui bagi tempoh sehingga satu bulan pada sesuatu masa.

(4) Jika seseorang yang dibenarkan untuk memasuki suatu rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar memasuki rizab hidupan liar atau kawasan perlindungan hidupan liar itu, dia boleh dikehendaki supaya diiringi oleh Pengarah atau oleh mana-mana pegawai lain.

Manakala, seksyen 49 menetapkan larangan terhadap gangguan flora dan fauna iaitu larangan perbuatan tertentu di dalam rizab hidupan liar dan kawasan perlindungan hidupan liar:

49. Tiada seorang pun boleh —

(a) di dalam suatu rizab hidupan liar, mengganggu, memotong, mengalihkan atau mengambil apa-apa tanah, kayu atau tumbuh-tumbuhan;

(b) di dalam suatu kawasan perlindungan hidupan liar —

(i) memburu mana-mana haiwan atau burung;

(ii) mengambil, mengganggu, merosakkan atau memusnahkan sarang atau telur mana-mana haiwan atau burung; atau

(iii) mengganggu, memotong, mengalihkan atau mengambil apa-apa tanah, pokok kayu atau tumbuh-tumbuhan.

Dalam konteks ekopelancongan, akta ini memastikan bahawa aktiviti dilakukan secara terkawal tanpa mengganggu ekosistem. Terdapat kes pelancong yang memasuki kawasan rizab tanpa permit dan menyebabkan gangguan terhadap habitat semula jadi, yang berisiko mengancam keseimbangan ekologi kawasan tersebut. Penguatkuasaan akta ini dilaksanakan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi menjamin keselamatan pelancong serta kelestarian alam sekitar.

Selain itu, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) pula mengawal selia penggunaan hutan simpan untuk memastikan sumber asli tidak dieksploitasi secara berlebihan. Seksyen 15 menyatakan mengenai hak keempunyaan ke atas Hasil Hutan dalam Hutan Simpanan Kekal dan tanah Kerajaan:

15. (1) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan kecuali

(a) di bawah kuasa suatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan; atau

(b) mengikut mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, selain dari mana-mana penalti yang dikenakan bagi sabitan itu, boleh diperintahkan membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri

(a) sejumlah Wang yang tidak melebihi lima kali ganda royalti, premium, ses dan lain-lain caj yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang itu; dan

(b) sejumlah wang yang tidak melebihi tiga kali ganda nilai hash hutan itu,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar sedemikian itu boleh diperolehi semula seolah olah ia adalah denda yang dikenakan.

Manakala, seksyen 32 melarang pendudukan atau aktiviti di hutan simpanan kekal tanpa permit iaitu:

32. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada seorang pun boleh menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah dalam kawasan hutan simpanan kekal, melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit penggunaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu. Jalanan aktiviti aktiviti di atas, hutan simpanan kekal dilarang.

(3) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi pendudukan, atau perjalanan apa-apa aktiviti di atas, mana-mana tanah dalam hutan simpanan kekal jika perbuatan atau aktiviti itu adalah

(a) bagi menjalankan hak yang diberi atau melaksanakan kewajipan yang dipertanggungjawabkan oleh mana-mana lesen, lesen kecil, permit masuk atau permit jalan; atau

(b) dibenarkan atau dikehendaki supaya dilakukan di bawah Akta ini.

Terdapat kes pelancong yang menjalankan aktiviti tanpa permit di hutan simpan dan berisiko mengalami kecederaan atau terlibat dalam aktiviti yang memberi kesan buruk kepada alam sekitar. Akta ini membentuk dasar penting yang memastikan ekopelancongan dilakukan dengan cara yang terkawal dan berlandaskan prinsip kelestarian. Jabatan Perhutanan Malaysia bertanggungjawab dalam menguatkuasakan akta ini untuk memastikan pemuliharaan hutan simpan dilakukan secara berkesan.

Pemuliharaan taman negara juga menjadi keutamaan dalam memastikan ekopelancongan dilakukan dengan beretika dan bertanggungjawab. Akta Taman Negara 1980 (Akta 226) bertujuan menjaga kawasan taman negara dengan menetapkan garis panduan pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar. Seksyen 3 memperuntukkan penubuhan Taman Negara bagi tujuan pemuliharaan iaitu:

3. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan di dalam Persekutuan itu sebagai suatu Taman Negara untuk maksud memelihara dan melindungi flora dan fauna dan benda-benda yang mempunyai kepentingan estetik, sejarah atau saintifik dalam kawasan itu, dan untuk menjadikannya kawasan yang disediakan bagi kegunaan orang ramai bagi maksud rekreasi.

(2) Suatu perintah di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan—

(a) had kawasan yang hendak diisytiharkan sebagai Taman Negara; dan

(b) nama yang diberi kepada Taman Negara itu.

Manakala seksyen 4 mengawal aktiviti yang boleh memberi kesan negatif kepada ekosistem taman negara iaitu:

4. Tujuan penubuhan Taman-Taman Negara ialah untuk memelihara dan memperindungi hidupan liar, hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kaji purba, sejarah dan etnologi dan lain-lain kepentingan dari segi sains dan pemandangan, dan melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai.

Kes pelancong yang menjalankan aktiviti yang merosakkan ekosistem taman negara menunjukkan kepentingan penguatkuasaan akta ini. Selain melindungi biodiversiti, akta ini memastikan pelancong menghormati peraturan dan tidak melakukan aktiviti yang boleh memberi impak negatif kepada alam sekitar. Jabatan Taman Negara bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan dalam akta ini.

Berikut ialah jadual perbandingan akta-akta berkaitan ekopelancongan di Malaysia, termasuk kementerian/agensi yang bertanggungjawab serta skop dan kaitan setiap akta terhadap aktiviti ekopelancongan:

Jadual 1: Jadual Perbandingan Akta-akta Berkaitan Ekopelancongan di Malaysia

Akta	Kementerian / Agensi Bertanggungjawab	Skop / Kaitan dengan Ekopelancongan	Tujuan / Hukuman / Pelaksanaan
Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482)	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Mengawal selia pelesenan pengendali pelancongan dan pemandu pelancong	Seksyen 7 & 19: mewajibkan pelesenan; hukuman bagi operasi tanpa lesen; penguatkuasaan oleh MOTAC

Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)	Melindungi pelancong sebagai pengguna daripada penipuan, maklumat mengelirukan dan kecuaiian	Seksyen 10: Representasi palsu; Seksyen 19: Standard keselamatan; penalti dan pampasan
Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	Mengawal akses ke kawasan rizab dan melindungi flora/fauna semasa aktiviti pelancongan	Seksyen 48–49: Kebenaran wajib untuk masuk; larangan gangguan ekosistem; hukuman denda/penjara
Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam)	Melindungi Hutan Simpan Kekal daripada pencerobohan atau eksploitasi oleh pelancong tanpa permit	Seksyen 15 & 32: Larangan pengambilan hasil hutan dan aktiviti tanpa permit; denda/penjara hingga 3 tahun
Akta Taman Negara 1980 (Akta 226)	Jabatan Taman Negara Malaysia	Memelihara flora, fauna dan landskap taman negara serta menyokong aktiviti pelancongan rekreasi yang lestari	Seksyen 3–4: Penubuhan taman negara dan perlindungan alam sekitar; tujuan rekreasi dan pendidikan; penguatkuasaan oleh Jabatan Taman Negara
Akta Perikanan 1985 (Akta 317)	Jabatan Perikanan Malaysia	Berkait dengan pemuliharaan kawasan marin termasuk tapak menyelam dan aktiviti ekopelancongan laut	Larangan terhadap aktiviti merosakkan habitat marin seperti pengeboman ikan; tindakan diambil di bawah peruntukan khas pemuliharaan sumber marin (rujuk WWF, 2019)

Menurut jadual di atas didapati wujud ketidakseragaman dan pertindihan kuasa antara pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan serta pemantauan ekopelancongan, seperti MOTAC, KeTSA, Jabatan Perhutanan dan PERHILITAN. Ketiadaan akta khusus untuk ekopelancongan menyebabkan berlaku ketidakjelasan peranan, kelemahan penguatkuasaan serta tiadanya standard minimum yang seragam bagi menjamin hak dan keselamatan pelancong (Dahlan et al., 2024; Isa et al., 2015).

Oleh itu, walaupun terdapat undang-undang yang berkaitan, pendekatan yang digunakan masih bersifat piecemeal dan tidak menyeluruh. Ini menunjukkan perlunya kepada satu rangka kerja perundangan khusus untuk ekopelancongan yang merangkumi aspek pengurusan, pemantauan, keselamatan pelancong dan kelestarian alam sekitar secara komprehensif, selaras dengan pembangunan industri ini di Malaysia (Dahlan et al., 2024).

Berdasarkan hasil kajian, saya berpandangan bahawa perlindungan terhadap hak pelancong dalam aktiviti ekopelancongan di Malaysia masih bergantung kepada pelbagai undang-undang sedia ada yang bersifat umum dan tidak diselaraskan secara khusus untuk konteks ekopelancongan. Walaupun wujud beberapa akta penting seperti Akta Industri Pelancongan 1992, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan perundangan berkaitan alam sekitar seperti Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Perhutanan Negara 1984, serta Akta Taman Negara 1980, kesemua undang-undang ini masih tidak mencukupi untuk menangani isu khusus yang dihadapi oleh pelancong dalam ekopelancongan.

Perkara yang lebih membimbangkan ialah masih terdapat kelemahan dari segi penguatkuasaan, khususnya di kawasan luar bandar, serta pertindihan kuasa antara agensi yang terlibat. Ketiadaan akta khusus yang benar-benar menumpukan kepada aspek keselamatan, hak pengguna dan kelestarian kawasan ekopelancongan turut menyumbang kepada isu ini. Ketidakteraturan dasar dan pertindihan fungsi antara MOTAC, KeTSA, PERHILITAN serta agensi berkaitan dilihat menyukarkan pelaksanaan perlindungan yang berkesan terhadap pelancong dan alam sekitar (Dahlan et al., 2024).

Perlindungan undang-undang terhadap pelancong dalam aktiviti ekopelancongan merupakan aspek penting dalam memastikan keselamatan pelancong serta kelestarian alam sekitar. Malaysia telah menggubal beberapa akta bagi mengawal selia sektor ini, namun masih terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan, terutamanya di kawasan luar bandar (Dahlan et al., 2024). Oleh itu, adalah wajar untuk melihat bagaimana negara lain seperti Thailand, Australia dan Singapura menguatkuasakan undang-undang berkaitan ekopelancongan bagi mendapatkan perspektif yang lebih luas dalam usaha memperkukuhkan perundangan di Malaysia.

Pendekatan Perundangan Terhadap Ekopelancongan: Pengalaman Thailand, Australia dan Singapura

Thailand

Thailand merupakan salah satu destinasi ekopelancongan utama di Asia Tenggara yang mempunyai pelbagai taman negara dan kawasan perlindungan alam sekitar. Negara ini telah menggubal beberapa undang-undang untuk memastikan ekopelancongan dijalankan secara lestari. Antaranya ialah *Wildlife Preservation and Protection Act 2019* yang melarang pemburuan dan perdagangan hidupan liar serta mengenakan hukuman berat terhadap pelanggaran peraturan ini (Department of National Parks, Wildlife and Plant Conservation, 2019). Antaranya, seksyen 49 mengharamkan pemilikan hidupan liar dilindungi tanpa kebenaran iaitu seperti berikut:

49. Jika selepas menjalankan tinjauan ke atas sesuatu kawasan, Jabatan Taman Negara, Hidupan Liar dan Pemuliharaan Tumbuhan mendapati kawasan tersebut sesuai untuk diwartakan sebagai zon pemuliharaan spesies hidupan liar di bawah seksyen 47, maka Ketua

Pengarah Jabatan, dengan kelulusan Suruhanjaya, hendaklah mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan persediaan bagi tujuan pewartaan rasmi sebagai zon pemuliharaan spesies hidupan liar menurut Akta ini.

Sepanjang pelaksanaan aktiviti bagiewartakan kawasan persediaan tersebut sebagai zon pemuliharaan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 47, pegawai yang berkuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawal dan melindungi kawasan sekitar dalam kawasan persediaan itu, mengikut peruntukan Akta ini dan menurut Peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dengan kelulusan Suruhanjaya. Sekiranya kawasan persediaan itu terletak dalam hutan biasa atau hutan simpan negara, pegawai yang berkuasa turut mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan menurut undang-undang berkaitan hutan atau hutan simpan negara dalam kawasan persediaan tersebut.

Manakala, seksyen 50 melarang perdagangan hidupan liar tanpa permit iaitu seperti berikut:

50. Pegawai yang berkuasa hendaklah memastikan disediakan tanda sempadan, papan tanda, dan penanda lain yang menunjukkan garis sempadan zon pemuliharaan spesies hidupan liar, serta sebarang tanda lain yang perlu bagi tujuan memaklumkan orang awam bahawa kawasan berkenaan adalah zon pemuliharaan spesies hidupan liar. Mereka juga hendaklah menyediakan kemudahan dan maklumat penerangan kepada orang awam.

Peraturan dan prosedur berkenaan bentuk serta penyediaan tanda sempadan, papan tanda, penanda sempadan dan tanda-tanda lain hendaklah menurut Peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Taman Negara, Hidupan Liar dan Pemuliharaan Tumbuhan.

Manakala, seksyen 53–55 menetapkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda bagi pelbagai pelanggaran berkaitan penyeludupan dan pemilikan haiwan dilindungi. Selain itu, *National Parks Act 2019* mengawal aktiviti di taman negara dengan menetapkan larangan terhadap pembinaan, perkhemahan, pemburuan dan pengambilan sumber semula jadi dalam kawasan perlindungan. Seksyen 16 melarang pembinaan, pemburuan, pengambilan sumber semula jadi dan gangguan habitat dalam taman iaitu seperti berikut:

16. Suruhanjaya mempunyai tugas dan kuasa seperti berikut:

1. Menetapkan dasar berkaitan pengurusan taman negara, taman rimba, taman botani dan arboretum.
2. Memberi syor berkaitan pewartaan sesuatu kawasan sebagai taman negara serta cadangan untuk meluaskan atau membatalkan pewartaan taman negara, agar selaras dengan dasar dan pelan pengurusan tanah serta sumber tanah negara;
3. Menimbang dan meluluskan pewartaan sesuatu kawasan sebagai taman rimba, taman botani atau arboretum, termasuk perluasan atau pembatalan kawasan tersebut, agar selaras dengan dasar dan pelan pengurusan tanah serta sumber tanah negara;
4. Menimbang dan meluluskan pengeluaran Peraturan Menteri, Notis atau Peraturan yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta ini;

5. Melaksanakan apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang lain, atau sebagaimana yang diamanahkan oleh Majlis Menteri atau Menteri.

Manakala, seksyen 22 memberi kuasa kepada pegawai untuk memerintahkan pemulihan atau penghapusan struktur tidak sah iaitu seperti berikut:

22. Pegawai yang berkuasa mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan di bawah peruntukan subseksyen 19(2), (5), (6) atau (7) yang selaras dengan sifat zon pengurusan yang telah ditentukan dalam taman negara, dengan syarat bahawa perbuatan tersebut hendaklah dilaksanakan di bawah penyeliaan pegawai yang berkuasa.

Kebeneran tersebut hanya boleh diberikan bagi maksud penyelidikan, kajian, penyiasatan, eksperimen akademik, penggambaran filem, video atau dokumentari, fotografi, pembelajaran mengenai alam semula jadi, penyelenggaraan infrastruktur utiliti awam, kepentingan keselamatan tenaga, atau pelancongan yang memberi manfaat, dan tidak menyebabkan kemusnahan kepada taman negara.

Kaedah, prosedur dan syarat bagi pemberian kebenaran serta penyeliaan menurut perenggan pertama, termasuk tempoh sah lesen, pembaharuan tempoh sah lesen, dan pengeluaran lesen gantian hendaklah ditentukan menurut Peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dengan kelulusan Suruhanjaya.

Perbezaan utama ialah Wildlife Act mensasarkan perlindungan spesies (pemilikan, pemburuan, perdagangan), manakala National Parks Act menumpu pada pemeliharaan habitat dan ekosistem dalam kawasan dilindungi. Penguatkuasaan undang-undang ini dilakukan oleh *Department of National Parks, Wildlife, and Plant Conservation (DNP)*, yang bertanggungjawab dalam pemantauan dan perlindungan kawasan ekopelancongan. DNP secara konsisten mematuhi kedua-dua rangka undang-undang ini. Thailand juga mengambil langkah drastik dengan menutup beberapa kawasan pelancongan yang mengalami kemerosotan ekologi akibat aktiviti manusia, seperti penutupan Maya Bay bagi membolehkan pemulihan ekosistem (Smith, 2021). Sebagai contoh, dalam kes berprofil tinggi melibatkan Premchai Karnasuta pada tahun 2018, beliau telah ditangkap kerana memburu haram seekor harimau kumbang hitam di kawasan perlindungan hidupan liar Thungyai Naresuan. Tindakan penguatkuasaan oleh DNP dalam kes ini adalah berdasarkan peruntukan seksyen 49 dan 50 di bawah *Wildlife Act*, serta seksyen 16 dan 22 di bawah *National Parks Act*, yang memperuntukkan larangan serta kuasa kawalan ke atas aktiviti pemburuan, pembinaan dan pencerobohan dalam kawasan taman negara. Mahkamah Thailand menjatuhkan hukuman penjara kepada Premchai pada tahun 2021, sekali gus menjadi bukti jelas bahawa DNP bukan sahaja mematuhi, tetapi juga melaksanakan kedua-dua akta ini dengan tegas untuk memastikan ekopelancongan dan pemuliharaan alam sekitar dijalankan secara lestari dan sah di sisi undang-undang.

Australia

Selain itu, Australia pula mempunyai pendekatan yang lebih sistematik dalam mengawal selia ekopelancongan. Negara ini telah memperkenalkan *National Sustainability Framework for the Visitor Economy*, yang menetapkan garis panduan untuk memastikan pelancongan dilakukan secara mampan (Tourism Australia, 2022). Garis panduan ini dilaksanakan melalui proses kerjasama antara kerajaan persekutuan, negeri dan pihak industri, yang merangkumi

penyediaan *Sustainable Tourism Toolkit*, penilaian sendiri (self-assessment), latihan kapasiti, serta pemantauan berkala terhadap impak pelancongan terhadap alam sekitar dan komuniti setempat. Tourism Australia bersama agensi berkaitan memainkan peranan dalam menyelaraskan tindakan melalui empat tonggak utama iaitu pengurusan terkawal, tindakan terhadap perubahan iklim, penghormatan terhadap budaya dan impak sosial positif. Melalui proses ini, pengusaha pelancongan dibimbing untuk memperkenalkan dasar mesra alam seperti pengurangan karbon, pemuliharaan air, pengurusan sisa dan sokongan terhadap ekonomi komuniti tempatan.

Selain itu, Australia juga mempunyai *Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999*, yang mengawal selia pemuliharaan biodiversiti dan memastikan aktiviti pelancongan tidak mengancam ekosistem semula jadi (Australian Government Department of the Environment, 1999). Di bawah Bahagian 3 akta ini, mana-mana aktiviti yang boleh memberi kesan signifikan kepada *Matters of National Environmental Significance (MNES)*, termasuk kawasan warisan dunia, kawasan Ramsar, spesies dan komuniti terancam yang memerlukan kelulusan rasmi daripada Menteri Alam Sekitar seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 18 dan 18A. Proses penilaian impak alam sekitar (*Environmental Impact Assessment*) pula dikendalikan di bawah Bahagian 4, khususnya seksyen 68 hingga 87, yang menetapkan prosedur permohonan, perundingan awam, serta penilaian teknikal terhadap projek pelancongan atau pembangunan yang dirancang. Penguatkuasaan undang-undang ini dilakukan oleh *Environment Protection Australia (EPA)*, sebuah agensi bebas yang mempunyai kuasa luas dalam pemantauan dan penguatkuasaan peraturan alam sekitar, termasuk mengeluarkan arahan pemulihan di seksyen 481, perintah mahkamah di seksyen 475 hingga 480 serta mengenakan penalti sivil dan jenayah di seksyen 495 hingga 504. Sebagai contoh, dalam kes *Friends of Leadbeater's Possum inc v Vicforests* (no 4) 2020 fca 704, Mahkamah Persekutuan Australia memutuskan bahawa aktiviti pembalakan oleh syarikat milik kerajaan negeri telah melanggar seksyen 18 dan 18A EPBC Act, kerana menjejaskan habitat spesies terancam seperti *Leadbeater's Possum*, sekali gus menunjukkan ketegasan undang-undang dalam melindungi biodiversiti daripada eksploitasi yang boleh menjejaskan nilai ekopelancongan. Australia juga mempunyai sistem pensijilan ekopelancongan yang dikendalikan oleh *Ecotourism Australia*, yang memberikan pengiktirafan kepada pengusaha pelancongan yang mematuhi standard kelestarian (Jones, 2023). Pendekatan ini bukan sahaja memastikan pematuhan terhadap peraturan melalui undang-undang, tetapi juga menyediakan kerangka sokongan melalui dasar dan insentif pensijilan, sekali gus menggalakkan pengusaha pelancongan mengamalkan prinsip ekopelancongan yang bertanggungjawab dan lestari.

Singapura

Seterusnya, Singapura yang merupakan sebuah negara maju dengan ruang semula jadi yang terhad telah mengambil pendekatan yang lebih inovatif dalam memastikan ekopelancongan berkembang secara mampan. Negara ini mempunyai *Parks and Trees Act 2005*, yang mengawal selia pemuliharaan taman dan kawasan hijau untuk memastikan keseimbangan ekologi dikekalkan (National Parks Board, 2018). Akta ini menetapkan larangan terhadap sebarang aktiviti yang boleh merosakkan tumbuhan dan pokok di kawasan yang dilindungi, seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 12 (Approval for restricted activities), dan memberikan kuasa kepada pegawai NParks untuk mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 42, termasuk pengeluaran kompaun dan perintah pemulihan bawah Bahagian VII dan VIII. Selain itu, *Environmental Protection and Management Act 1999* menetapkan peraturan ketat terhadap pencemaran dan pemuliharaan sumber semula jadi, antaranya melalui

seksyen 5 iaitu larangan terhadap pelepasan bahan pencemar tanpa kelulusan dan seksyen 36 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengarahkan langkah pengawalan pencemaran (Singapore Government, 2016). Singapura juga terkenal dengan konsep *City in a Garden*, yang mengintegrasikan elemen hijau dalam pembangunan bandar untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar (Tan, 2020). Penguatkuasaan undang-undang ini dilakukan oleh *National Parks Board (NParks)*, yang bertanggungjawab dalam pemantauan dan pemuliharaan kawasan hijau serta taman negara.

Sebagai contoh penguatkuasaan, dalam kes terkenal “*Kranji woodland illegal clearing*” pada tahun 2021, beberapa individu termasuk pegawai dari JTC Corporation didapati bersalah kerana menebang lebih 360 pokok tanpa kebenaran di bawah *Parks and Trees Act*. Mahkamah mengenakan denda sehingga SGD26,000 kepada individu yang terlibat, dan siasatan turut dijalankan di bawah *Wildlife Act* berkaitan pelanggaran keatas habitat semula jadi. Pendekatan ini membolehkan Singapura mengekalkan ekosistem yang sihat walaupun berada dalam persekitaran urban yang padat, serta menjadi model pelaksanaan ekopelancongan secara terkawal dan berasaskan undang-undang.

Secara keseluruhannya, Malaysia boleh mengambil inspirasi daripada pendekatan yang digunakan oleh Thailand, Australia dan Singapura dalam memperkukuhkan perundangan ekopelancongan. Thailand menunjukkan kepentingan penguatkuasaan yang tegas serta langkah drastik seperti penutupan kawasan yang terjejas, manakala Australia mempunyai sistem pensijilan dan pemantauan yang sistematik untuk memastikan kelestarian ekopelancongan. Singapura pula membuktikan bahawa ekopelancongan boleh berkembang dalam persekitaran urban dengan pendekatan inovatif dalam pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, sudah tiba masanya Malaysia merangka satu kerangka undang-undang yang khusus untuk sektor ekopelancongan yang bukan sahaja melindungi pelancong sebagai pengguna tetapi juga memastikan pembangunan pelancongan yang lebih bertanggungjawab dan mampan (Dahlan et al., 2024). Tanpa perundangan yang menyeluruh, risiko terhadap pelancong dan alam sekitar akan terus wujud dan ini secara tidak langsung menjejaskan imej serta kemampanan industri pelancongan negara. Dengan mengambil pendekatan yang lebih holistik dan belajar daripada negara lain, Malaysia boleh memastikan ekopelancongan berkembang secara lestari dan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Analisis Perbandingan: Malaysia Dan Negara Lain (Australia, Thailand dan Singapura)

Ekopelancongan telah muncul sebagai salah satu cabang pelancongan yang semakin signifikan dalam ekonomi pelancongan global. Ekopelancongan menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial komuniti tempatan. Namun, pelaksanaan ekopelancongan tanpa perundangan yang jelas dan penguatkuasaan yang cekap boleh menyebabkan kerosakan ekosistem serta menjejaskan keselamatan pelancong. Sehubungan itu, analisis perbandingan dengan negara lain dijalankan bagi mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dijadikan rujukan dalam memperkukuh sistem perlindungan undang-undang di Malaysia.

Pemilihan Australia, Thailand dan Singapura sebagai negara perbandingan dibuat berdasarkan beberapa rasional utama. Pertama, ketiga-tiga negara ini mempunyai tahap pembangunan ekopelancongan yang berbeza tetapi berjaya membentuk sistem tadbir urus yang berkesan. Kedua, negara-negara ini berkongsi cabaran yang hampir sama dengan Malaysia, termasuk pengurusan kawasan biodiversiti, peningkatan jumlah pelancong dan keperluan mengekalkan

keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar. Ketiga, setiap negara mewakili model tadbir urus yang berbeza iaitu model perundangan bersepadu, model pentadbiran berpusat serta model pengurusan berasaskan teknologi dan inovasi bandar, yang secara langsung dapat menonjolkan kelemahan struktur perundangan Malaysia.

Seperti yang diketahui, Malaysia masih belum mempunyai satu akta khusus yang merangkumi keseluruhan aspek ekopelancongan. Sebaliknya, sistem perundangan Malaysia bergantung kepada beberapa akta berasingan seperti Akta Industri Pelancongan 1992, Akta Taman Negara 1980, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Pendekatan berpecah ini menyebabkan pertindihan bidang kuasa antara agensi penguatkuasaan serta kekurangan koordinasi dalam pelaksanaan dasar (Dahlan et al., 2024). Keadaan ini terbukti melalui pelbagai insiden melibatkan operator pelancongan tidak berlesen serta penipuan pakej pelancongan yang menjejaskan keselamatan pelancong dan imej industri pelancongan negara (Fong, 2022; Vanar, 2023). Walaupun Dasar Pelancongan Negara 2020–2030 telah diperkenalkan untuk menyokong pembangunan pelancongan mampan, pelaksanaan dasar tersebut masih belum disokong oleh perundangan khusus yang komprehensif (MOTAC, 2020; AA News, 2020).

Australia dipilih sebagai negara perbandingan kerana negara tersebut mempunyai kerangka perundangan yang menyeluruh dan tersusun dalam mengawal pembangunan pelancongan berasaskan alam sekitar. Melalui pelaksanaan Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999, sebarang aktiviti pelancongan di kawasan sensitif perlu melalui penilaian impak alam sekitar yang ketat sebelum diluluskan (Allens, n.d.-b). Pendekatan ini secara langsung menangani kelemahan Malaysia yang masih melaksanakan kawalan pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar secara berasingan tanpa mekanisme penyelarasan yang jelas.

Selain itu, Australia turut menekankan sistem pensijilan kelestarian melalui program Ecotourism Australia yang memberikan pengiktirafan kepada pengusaha pelancongan yang memenuhi piawaian keselamatan, tanggungjawab sosial dan pemuliharaan alam sekitar (Ecotourism Australia, 2024). Kajian menunjukkan bahawa sistem pensijilan ini berjaya meningkatkan kredibiliti industri pelancongan serta keyakinan pelancong antarabangsa terhadap tahap perlindungan alam sekitar dan keselamatan pengguna (Jenkins & Wearing, 2003). Berbeza dengan Malaysia, sistem pelesenan sedia ada lebih menumpukan kepada keperluan pentadbiran tanpa penilaian menyeluruh terhadap aspek kelestarian ekopelancongan. Thailand pula dipilih kerana negara tersebut berkongsi persamaan geografi dan ekologi dengan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan tropika. Thailand telah memperkenalkan model pentadbiran berpusat dengan meletakkan kuasa pengawalseliaan di bawah Department of National Parks, Wildlife and Plant Conservation melalui pelaksanaan Wildlife Preservation and Protection Act 2019 dan National Parks Act 2019 (Adminthailaw, 2024). Pendekatan ini membolehkan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan secara lebih sistematik dan berkesan.

Langkah tegas seperti penutupan sementara Maya Bay bagi memulihkan ekosistem marin menunjukkan keberkesanan struktur undang-undang yang responsif terhadap ancaman kelestarian alam sekitar (The Colours of Thailand, 2023). Model pentadbiran berpusat ini juga membolehkan keputusan dasar dibuat dengan lebih pantas dan mengurangkan konflik bidang kuasa antara agensi (Waikavee, 2024). Keadaan ini secara langsung menonjolkan kelemahan

Malaysia yang masih menghadapi masalah pertindihan fungsi antara pelbagai agensi kerajaan, sekali gus menjejaskan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di peringkat lapangan. Singapura pula dipilih sebagai negara perbandingan kerana pendekatan inovatifnya dalam mengintegrasikan ekopelancongan ke dalam perancangan pembangunan bandar. Melalui pelaksanaan Parks and Trees Act serta Environmental Protection and Management Act, semua kawasan hijau dikawal selia oleh National Parks Board sebagai badan tunggal yang bertanggungjawab dalam aspek perancangan, pelesenan dan penguatkuasaan (Singapore Government, 2016). Konsep pembangunan bandar hijau yang dikenali sebagai “City in a Garden” telah menjadikan pemuliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan negara (Tan, 2020).

Penggunaan teknologi pemantauan digital bagi mengawal aliran pelancong dan menilai impak terhadap ekosistem membolehkan pengurusan destinasi pelancongan dilaksanakan secara lebih cekap. Pendekatan ini menonjolkan kelemahan Malaysia yang masih bergantung kepada pemantauan manual dan penguatkuasaan konvensional, sekali gus menyukarkan pengumpulan data dan pengurusan pelancongan secara bersepadu. Selain itu, penglibatan komuniti dalam aktiviti pemuliharaan dan program pendidikan awam di Singapura menunjukkan pendekatan pengurusan pelancongan yang lebih inklusif berbanding Malaysia yang masih mempunyai tahap penyertaan komuniti yang terhad.

Menurut kajian antarabangsa, kejayaan ekopelancongan memerlukan integrasi perlindungan alam sekitar, manfaat kepada komuniti tempatan serta pengalaman pelancongan yang berunsur pendidikan (UNEP, 2002). Walau bagaimanapun, Malaysia masih belum menyepadukan ketiga-tiga elemen ini secara menyeluruh dalam kerangka perundangan atau dasar pelaksanaan. Kajian lain turut menegaskan bahawa penglibatan komuniti tempatan merupakan faktor penting dalam memastikan kelestarian jangka panjang destinasi ekopelancongan (Eco-tourism Expert, 2021). Selain itu, laporan pemuliharaan alam sekitar turut menekankan keperluan tindakan tegas terhadap aktiviti yang merosakkan ekosistem seperti pengeboman ikan dan pencerobohan kawasan konservasi (WWF Malaysia, 2019). Kajian berkaitan pengurusan pelancongan mampan juga mencadangkan pelaksanaan audit alam sekitar serta penggunaan teknologi pemantauan sebagai mekanisme kawalan jangka panjang yang lebih efektif (Norasmah et al., 2015; ScienceDirect, 2012).

Secara keseluruhannya, analisis perbandingan ini menunjukkan bahawa kelemahan utama Malaysia bukanlah berpunca daripada kekurangan sumber biodiversiti atau potensi pelancongan, tetapi lebih kepada kelemahan struktur perundangan dan sistem tadbir urus yang tidak bersepadu. Australia menunjukkan kepentingan kerangka perundangan yang menyeluruh dan sistem pensijilan kelestarian, Thailand menekankan keperluan pentadbiran berpusat bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, manakala Singapura membuktikan kepentingan inovasi teknologi dan penglibatan masyarakat dalam memastikan kelestarian ekopelancongan. Sehubungan itu, pengalaman negara-negara ini menunjukkan bahawa Malaysia perlu menggubal satu akta khusus berkaitan ekopelancongan yang merangkumi aspek pelesenan operator, pemantauan aktiviti pelancongan, perlindungan hak pelancong serta penglibatan komuniti setempat. Selain itu, penubuhan badan penyelarasan tunggal yang bertanggungjawab terhadap dasar, pentadbiran dan penguatkuasaan ekopelancongan juga wajar dipertimbangkan bagi mengurangkan pertindihan kuasa antara agensi kerajaan.

Secara keseluruhannya, pembaharuan perundangan yang menyeluruh amat diperlukan untuk memastikan ekopelancongan di Malaysia dapat berkembang secara mampan, selamat dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Tanpa reformasi struktur perundangan dan penguatkuasaan yang lebih tersusun, potensi Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan utama berisiko untuk tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Cabaran Penguatkuasaan Dan Pertindihan Kuasa Dalam Perlindungan Undang-undang Ekopelancongan

Berdasarkan dapatan kajian ini, kelemahan perlindungan undang-undang dalam sektor ekopelancongan di Malaysia bukan sahaja berpunca daripada kekurangan peruntukan undang-undang, tetapi lebih menjurus kepada kelemahan struktur tadbir urus serta ketidakselarasan pelaksanaan dasar antara agensi yang berkaitan. Implikasi dasar utama daripada dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan sektor secara berasingan tidak lagi sesuai untuk mengurus ekopelancongan yang bersifat rentas bidang melibatkan pelancongan, pemuliharaan alam sekitar, perlindungan pengguna dan pembangunan komuniti tempatan (Fennell & Dowling, 2021; Purnama et al., 2023).

Pertama, dapatan kajian ini menunjukkan keperluan mendesak untuk Malaysia membangunkan kerangka dasar ekopelancongan yang bersepadu melalui penyelarasan peranan agensi seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta agensi pengurusan hutan dan taman negara yang lain. Model tadbir urus bersepadu ini berpotensi mengurangkan pertindihan kuasa, mempercepatkan proses membuat keputusan serta meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di peringkat lapangan. Penubuhan sebuah badan penyelarasan pusat yang mempunyai mandat menyeluruh terhadap pengurusan ekopelancongan boleh menjadi mekanisme penting untuk memastikan keseragaman dasar, pelaksanaan program serta pemantauan aktiviti pelancongan secara lebih sistematik (MOTAC, 2016; Dahlan et al., 2024).

Kedua, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kelemahan pemantauan lapangan dan kekurangan mekanisme kawalan digital memerlukan penambahbaikan dasar melalui penggunaan teknologi pemantauan bersepadu. Model pemantauan digital yang mengintegrasikan sistem pelesenan, pengesanan lokasi pelancong, serta pangkalan data operator pelancongan berpotensi meningkatkan ketelusan dan kecekapan penguatkuasaan. Pendekatan ini boleh dirangka berasaskan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Ecotourism Australia yang menggabungkan sistem pensijilan kelestarian dengan pemantauan pematuhan industri secara berterusan. Pelaksanaan sistem sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan tahap keselamatan pelancong, malah dapat mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan yang bertanggungjawab dan berdaya saing di peringkat antarabangsa (Jenkins & Wearing, 2003; Ecotourism Australia, 2024).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kelewatan tindakan penguatkuasaan sering berlaku akibat struktur pentadbiran yang berpecah dan kurang koordinasi antara agensi. Justeru, implikasi dasar yang penting ialah keperluan memperkenalkan model pentadbiran berpusat yang memberi kuasa penyelarasan dan penguatkuasaan yang lebih jelas kepada satu entiti utama. Pendekatan ini boleh dirujuk melalui model pengurusan taman negara yang dilaksanakan oleh Department of National Parks, Wildlife and Plant Conservation di Thailand yang berjaya mengawal selia aktiviti pelancongan dan pemuliharaan biodiversiti secara menyeluruh melalui satu struktur pentadbiran tunggal. Model sedemikian membolehkan

pelaksanaan dasar dilakukan secara lebih responsif serta mengurangi konflik bidang kuasa antara agensi kerajaan (Waikavee, 2024; Adminthailaw, 2024).

Dalam masa yang sama, dapatan kajian turut mencadangkan bahawa dasar ekopelancongan Malaysia perlu mengintegrasikan elemen inovasi teknologi dan penglibatan masyarakat sebagai komponen utama tadbir urus mampan. Pendekatan ini dapat dilihat melalui model pengurusan alam sekitar bandar yang dilaksanakan oleh National Parks Board yang menggabungkan penggunaan teknologi pemantauan, pendidikan awam serta penglibatan komuniti dalam pemuliharaan kawasan hijau. Model ini membuktikan bahawa tadbir urus bersepadu yang melibatkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan komuniti tempatan mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan ekopelancongan secara jangka panjang (Singapore Government, 2016; Tan, 2020).

Seterusnya, dapatan kajian juga memberi implikasi bahawa pembaharuan dasar perlu disokong oleh penggubalan satu perundangan khusus berkaitan ekopelancongan yang merangkumi aspek pelesenan operator, perlindungan hak pelancong, pengurusan risiko aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi serta tanggungjawab pengusaha terhadap pemuliharaan ekosistem. Penggubalan undang-undang khusus ini dapat menyediakan asas perundangan yang lebih jelas dan komprehensif bagi menyokong pelaksanaan model tadbir urus bersepadu yang dicadangkan (UNEP, 2002; Eco-tourism Expert, 2021).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masa depan pembangunan ekopelancongan di Malaysia memerlukan peralihan daripada pendekatan pengurusan berasingan kepada model tadbir urus bersepadu yang menekankan penyelarasan dasar, penggunaan teknologi pemantauan, penglibatan komuniti serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih sistematik. Pelaksanaan reformasi dasar ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan tahap perlindungan terhadap pelancong dan ekosistem, malah mampu memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan mampan yang kompetitif di peringkat global (Fennell & Dowling, 2021; Dahlan et al., 2024).

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa perlindungan undang-undang terhadap pelancong dalam aktiviti ekopelancongan di Malaysia masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Meskipun terdapat beberapa akta sedia ada seperti Akta Industri Pelancongan 1992, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Taman Negara 1980 yang secara langsung atau tidak langsung menyentuh isu keselamatan dan kelestarian pelancongan, namun semua akta ini bersifat terpisah dan tidak disatukan dalam satu kerangka undang-undang khusus yang menyeluruh untuk sektor ekopelancongan. Keadaan ini menjadi serius lagi dengan pertindihan kuasa antara agensi kerajaan seperti MOTAC, KeTSA, PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan, yang mengakibatkan kekurangan dalam pelaksanaan serta penguatkuasaan undang-undang di peringkat lapangan.

Selain itu, kelemahan dalam aspek pelesenan, pemantauan digital serta kurangnya penglibatan komuniti setempat turut menyumbang kepada ketidak berkesanan perlindungan terhadap pelancong, terutamanya di kawasan terpencil dan berisiko. Kes-kes penipuan pakej pelancongan, pengusaha tanpa lesen dan pencerobohan kawasan konservasi menunjukkan keperluan mendesak untuk satu tindakan bersepadu dan reformasi perundangan.

Hasil perbandingan dengan pendekatan di Thailand, Australia dan Singapura turut menunjukkan bahawa sistem perundangan yang tersusun, struktur pentadbiran tunggal dan penggunaan teknologi mampu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan ekopelancongan. Ketiga-tiga negara tersebut membuktikan bahawa gabungan antara perlindungan alam sekitar, keselamatan pelancong dan penguatkuasaan yang tegas mampu menjamin kelestarian industri ini.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar Malaysia segera menggubal satu akta khusus yang bersifat holistik untuk ekopelancongan, yang merangkumi aspek pelesenan, liabiliti pengusaha, penglibatan masyarakat, pemantauan teknologi dan tanggungjawab penguatkuasaan yang jelas. Hanya dengan adanya kerangka undang-undang yang mantap dan pelaksanaan yang menyeluruh, barulah ekopelancongan di Malaysia dapat berkembang secara mampan, bertanggungjawab dan selamat kepada semua pihak yang terlibat.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Nur Khalidah Dahlan bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Nur Aisyah Fatimah Mohamad Zamry mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Penulis ini juga menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

Akta

Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482)
Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)
Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599)
Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)
Akta Perikanan 1985 (Akta 317)
Akta Taman Negara 1980 (Akta 226)
Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999 (Australia)
Environmental Protection and Management Act 1999 (Singapore) (Cap. 94A)
National Parks Act B.E. 2562 (2019) (Thailand)
National Sustainability Framework for the Visitor Economy (Australia)
Parks and Trees Act 2005 (Singapore) (Cap. 216)
Wildlife Preservation and Protection Act B.E. 2562 (2019) (Thailand)

Artikel

- Adminthailaw, A. (2024, November 6). *Wildlife protection and conservation laws in Thailand: A detailed guide by a Bangkok law firm*. Thai Business Law Firm. <https://www.thaibusinesslawfirm.com/articles-news/wildlife-protection-and-conservation-laws-in-thailand-a-detailed-guide-by-a-bangkok-law-firm/> (Akses pada 15 Mei 2025)
- Allens. (n.d.-b). *A new era of environmental governance: National agencies and tougher penalties*. <https://www.allens.com.au/insights-news/insights/2024/06/a-new-era-of-environmental-governance-national-agencies-and-tougher-penalties/> (Akses pada 17 Mei 2025)
- An, N. (2023, December 30). *[UPDATE 2023] MOTAC dedah senarai syarikat pelancongan tidak berlesen*. I Love Borneo. <https://www.iloveborneo.my/motac-senarai-syarikat-pelancongan-tidak-berlesen-2023/> (Akses pada 15 Mei 2025)
- Astro Awani. (2024, May 14). *Enam kes pencerobohan direkodkan di Taman Negara Terengganu*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-kes-pencerobohan-direkodkan-di-taman-negara-terengganu-491963> (Akses pada 19 Jun 2025)
- Australia, T. (2025, March 12). *Sustainable tourism*. Tourism Australia. <https://www.tourism.australia.com/en/about/industry-sectors/sustainable-tourism.html> (Akses pada 10 Mei 2025)
- Dahlan, N. K., Ajlaa Ali, N., & Akbar, H. (2024). *Ecotourism: Principles, policies, and laws in Malaysia*. Pakistan Journal of Life and Social Sciences, 22(2), 21536–21550.
- Ecotourism Australia. (2024, February 12). *Welcome to Ecotourism Australia your sustainable tourism partner*. <https://ecotourism.org.au/> (Akses pada 12 Mei 2025)
- Eco-tourism Expert. (2021, April 23). *Malaysia's ecotourism thrives with stakeholder participation*. <https://eco-tourism.expert/en/expertise/malaysia-s-eco-tourism-thrives-with-stakeholder-participation> (Akses pada 13 Mei 2025)
- Fong, F. (2022, July 3). *[WATCH] Malaysian holidaygoer loses RM28,500, allegedly scammed by online travel agency*. TRP. <https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2022/07/03/watch-malaysian-holidaygoer-loses-rm28500-allegedly-scammed-by-online-travel-agency/> (Akses pada 14 Mei 2025)

- Idris, A. (2023, July 25). *MOTAC laksana operasi penguatkuasaan pematuhan Akta Industri Pelancongan 1992*. Portal Rasmi MOTAC. <https://motac.gov.my/media2/siaran/motac-laksana-operasi-penguatkuasaan-pematuhan-akta-industri-pelancongan-1992> (Akses pada 16 Mei 2025)
- International Institute for Trade and Development. (2024, December 25). *ASEAN Ecotourism Development - ITD*. https://www.itd.or.th/en/itd-data-center/68_13en/ (Akses pada 18 Mei 2025)
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). (2019). *Laporan Tahunan 2019*. https://fliphtml5.com/cjblk/qqsx/Laporan_Tahunan_2019 (Akses pada 19 Jun 2025)
- Jenkins, J., & Wearing, S. (2003). *Ecotourism and protected areas in Australia*. In D. A. Fennell & R. K. Dowling (Eds.), *Ecotourism policy and planning* (pp. 205–207). CAB International.
- Kamaruzzaman, I. H. B. (2024, January 18). *Laporan Tahunan 2022*. Portal Rasmi MOTAC. <https://www.motac.gov.my/pengumuman/laporan-tahunan-2022> (Akses pada 11 Mei 2025)
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (2020, December 23). *Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030: Ke arah pengukuhan industri pelancongan negara* [Kenyataan akhbar]. <https://www.tourism.gov.my/media/view/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030-ke-arrah-pengukuhan-industri-pelancongan-negara> (Akses pada 10 Mei 2025)
- Kosmo. (2021, September 11). *Tiada kelulusan aktiviti di Bukit Tabur*. <https://www.kosmo.com.my/2021/09/11/tiada-kelulusan-aktiviti-di-bukit-tabur> (Akses pada 19 Jun 2025)
- Koswaraputra, D. (2020, December 23). *Malaysia rolls out 2020–2030 tourism policy*. Anadolu Agency. <https://www.aa.com.tr/en/asia-pacific/malaysia-rolls-out-2020-2030-tourism-policy-plan/2086207> (Akses pada 14 Mei 2025)
- Norasmah, O., Nurhazani, M. J., & Ahmad, M. (2015). *Sustainable tourism ecosystem and wildlife protection in tropical countries*. *American Journal of Animal and Veterinary Sciences*, 10(1), 43–46. <https://thescipub.com/pdf/ajavsp.2015.43.46.pdf> (Akses pada 13 Mei 2025)
- ScienceDirect. (2012). *Environmental management and sustainable tourism: A global perspective*. <https://pdf.sciencedirectassets.com/277811/1-s2.0-S1877042812X00211/1-s2.0-S1877042812031989/main.pdf> (Akses pada 14 Mei 2025)
- The Colours of Thailand. (2023, April 18). *The Thai government's effort for the sustainable tourism*. <https://www.thecoloursofthailand.com/sustainable-tourism/the-thai-governments-own-initiatives-for-its-sustainable-tourism/> (Akses pada 12 Mei 2025)
- The Star. (2024, November 7). *Sabah dive resort fined RM15k for using unlicensed tourist boat*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/07/sabah-dive-resort-fined-rm15k-for-using-unlicensed-tourist-boat> (Akses pada 19 Jun 2025)
- The Star. (2024, October 21). *Unlicensed tourist passenger boat carrying eight nabbed by MMEA*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/21/unlicensed-tourist-passenger-boat-carrying-eight-nabbed-by-mmea> (Akses pada 19 Jun 2025)
- TRAFFIC. (2023, November 17). *Major Malaysian seizure highlights persistent wildlife trafficking issues*. <https://www.traffic.org/vn/news/major-malaysian-seizure> (Akses pada 19 Jun 2025)
- Vanar, M. (2023, April 24). *Sabah tourism players want crackdown on illegal operators, unauthorised homestays*. The Star.

- <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/24/sabah-tourism-players-want-crackdown-on-illegal-operators-unauthorised-homestays> (Akses pada 11 Mei 2025)
- Vanar, M. (2019, November 28). *WWF Malaysia wants all-out war against fish bombers*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/07/wwf-malaysia-wants-all-out-war-against-fish-bombers> (Akses pada 12 Mei 2025)
- Waikavee, T. (2024). *Governing sustainable ecotourism in Thailand: Success or failure in legal perspective?* International Journal of Public Law and Policy, 10(1), 62–75. <https://www.inderscience.com/info/inarticle.php?artid=135203>
- Wood, M. E. (2002). *Ecotourism: Principles, practices & policies for sustainability* (1st ed.). United Nations Environment Programme. <https://www.unep.org/resources/report/ecotourism-principles-practices-and-policies-sustainability> (Akses pada 14 Mei 2025)
- WWF Malaysia. (2019, July 7). *WWF Malaysia wants all-out war against fish bombers*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/07/07/wwf-malaysia-wants-all-out-war-against-fish-bombers> (Akses pada 14 Mei 2025)

Kes

Friends of Leadbeater's Possum Inc v VicForests [2020] FCA 704
Tarkine National Coalition v Minister for the Environment [2013] FCA 694